

## PERATURAN PERPUSTAKAAN

- Ahli berdaftar sahaja dibenarkan memasuki Perpustakaan
- Ahli tertakluk kepada peraturan Perpustakaan sepanjang berada di Perpustakaan
- Kad keahlian perlu dipamerkan semasa di dalam Perpustakaan dan TIDAK DIBENARKAN tukar hakmilik.
- Ahli hendaklah berpakaian kemas, sopan dan mengikut kod pakaian oleh Universiti.

## DENDA GANTI BAHAN HILANG / ROSAK

- Kadar denda bahan perpustakaan hilang/ rosak adalah **dua kali ganda harga asal bahan berkenaan**.
- Bahan yang hilang boleh diganti dengan yang sama judul
- Sebarang kehilangan bahan yang dipinjam mesti dilaporkan **SEGERA** kepada Ketua / staf Bahagian Sirkulasi untuk tindakan lanjut.

## DENDA LEWAT PEMULANGAN BAHAN

- Denda akan dikenakan sebanyak **10 sen sehari** mengikut bilangan hari yang lewat bahan dipulangkan.

## PENAMATAN KEAHLIAN

- Ahli yang ingin menamatkan keahlian mestilah memulangkan ke semua bahan Perpustakaan yang dipinjam
- Surat rasmi untuk memaklumkan penamatan keahlian perlu dihantar kepada Timbalan Ketua Pustakawan dan memulangkan kad keahlian. Wang cagaran akan dikembalikan sekiranya ada.
- Perpustakaan berhak menamatkan keahlian pada bila-bila masa jika didapati ahli melanggar peraturan Perpustakaan dan Universiti.


## PROSEDUR PERMOHONAN

- Alamatkan surat permohonan kepada Timbalan Ketua Pustakawan, Perpustakaan Hamdan Tahir beserta :
- Surat perakuan daripada majikan atau Ketua Jabatan/ Organisasi yang anda sedang bertugas
  - Salinan Ijazah USM / salinan Kad Pengenalan / salinan Kad Alumni

*The more that you read, the more things you will know.*

*The more that you learn, the more places you go.*

*- Dr. Seuss*



Perpustakaan Hamdan Tahir  
Kampus Kesihatan USM  
Kubang Kerian  
16150 Kota Bharu, Kelantan  
No. Tel: 09-7671473 / 1458  
No. Faks: 09-7671460  
Emel: [infopht@usm.my](mailto:infopht@usm.my)

## PERPUSTAKAAN HAMDAN TAHIR



## KEAHLIAN PUBLIK

## PENGENALAN

Perpustakaan Perubatan Universiti Sains Malaysia telah ditubuhkan pada 1979. Pada 1984, sebilangan koleksi dan staf telah dipindahkan daripada Kampus Induk ke Kampus Cawangan Kubang Kerian dan ditempatkan sementara di Tingkat 8 bangunan Hospital. Kampus Kubang Kerian dinamakan semula sebagai Kampus Kesihatan pada 2001. Pada 2 Oktober 2005, Perpustakaan diberi penghormatan untuk menggunakan Perpustakaan Hamdan Tahir sempena nama Naib Canselor Universiti yang kedua, Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Hj. Hamdan bin Sheikh Tahir.

## KEAHLIAN

Keahlian publik di Perpustakaan Hamdan Tahir adalah terhad kepada individu atau organisasi yang terlibat dalam bidang perubatan atau yang berkaitan.

Berikut merupakan individu-individu yang dipertimbangkan untuk menjadi Ahli Publik Perpustakaan USM:

1. Alumni Universiti Sains Malaysia.
2. Suami/Isteri dan anak (berumur 12 tahun ke atas) staf tetap yang sedang berkhidmat di USM. Sila sertakan Sijil Nikah/Kelahiran/MyKid/MyKad atau dokumen yang berkaitan.
3. Pegawai Kerajaan dan Badan-badan Berkanun dalam kategori Profesional/Pengurusan.
4. Lain-lain permohonan yang mempunyai kehendak khas akan diteliti oleh Timbalan Ketua Pustakawan dengan syarat permohonan dapat menunjukkan bukti tentang keperluan untuk menggunakan sumber Perpustakaan.

## PEMBAHARUAN KEAHLIAN

1. Semua bayaran yuran tahunan adalah untuk tempoh satu tahun
2. Bayaran hendaklah dibuat di Jabatan Bendahari USM
3. Notis Peringatan Perpustakaan akan dihantar setiap tahun bagi memperbaharui keahlian
4. Sekiranya anda tidak memberi maklum balas dalam tempoh satu bulan selepas notis dikeluarkan, keahlian anda akan dibatalkan.

## PEMBAHARUAN PINJAMAN

Pembaharuan pinjaman bahan yang belum melewati tarikh pemulangan boleh diperbaharui untuk SATU kali sahaja menerusi:

- Laman web Perpustakaan [www.kck.usm.my/pustaka](http://www.kck.usm.my/pustaka)
- Telefon: 09-7671473
- e-mel: [infopht@usm.my](mailto:infopht@usm.my)

Pembaharuan tidak dibenarkan sekiranya bahan yang dipinjam telah ditempah oleh ahli lain. Perpustakaan USM berhak memanggil balik bahan-bahan yang dipinjam pada bila-bila masa walaupun sebelum tarikh pemulangan.

## PENAMATAN KEAHLIAN

1. Sila hantar surat penamatan keahlian dan pulangkan kad keahlian.
2. Ahli perlu memulangkan kesemua bahan yang dipinjam dan Perpustakaan akan menguruskan pemulangan wang cagaran jika ada.
3. Perpustakaan boleh menamatkan keahlian pada bila-bila masa jika didapati ahli melanggar peraturan Perpustakaan dan Universiti.

## KEMUDAHAN

- Koleksi Rak Terbuka
- Bilik Tayangan
- Koleksi Khas
- Bilik Seminar
- Bilik Karel
- WebOPAC (Krisalis)

Perkhidmatan dan kemudahan lain boleh diperolehi dengan kebenaran Timbalan Ketua Pustakawan.

## YURAN KEAHLIAN

Kategori	Cagaran	Perkhidmatan (Sekali sahaja)	Pendaftaran (Sekali sahaja)	Tahunan
Staf kerajaan	RM300	-	-	RM100
Pesara / Alumni	RM50	RM50	-	-
Suami/ Isteri/ Anak staf USM	PERCUMA			
Individu / Swasta	RM500	-	RM50	RM400

## WAKTU PERKHIDMATAN

### Waktu Semester 1 & 2

HARI	MASA
Ahad - Khamis	8.30 pg - 10.30 mlm
Jumaat	8.30 pg - 12.15 tgh
Sabtu	8.30 pg - 4.30 ptg
Kelepasan Am	Tutup

### Waktu Cuti Semester

HARI	MASA
Ahad - Rabu	8.30 pg - 4.30 ptg
Khamis	8.30 pg - 4.15 ptg
Jumaat - Sabtu	Tutup
Kelepasan Am	Tutup

Sebarang perubahan waktu perkhidmatan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.